

Sudahkah Anda Mendapatkan Kebenaran Untuk Melakukan Pekerjaan Luar?

Dimaklumkan bahawa MATRADE telah mengeluarkan Pekeliling Dalaman Integriti Bilangan 2 Tahun 2019 berhubung Garis Panduan Pengurusan Kerja Luar MATRADE pada 9 Oktober 2019. Garis panduan ini bertujuan sebagai rujukan kepada warga MATRADE yang melakukan pekerjaan luar untuk mendapatkan kebenaran Ketua Jabatan selaras dengan Peraturan 4, Jadual Kedua Bahagian II, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

Unit Integriti ingin mengucapkan terima kasih kepada warga MATRADE yang telah melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai penjawat awam dengan mendapatkan kebenaran daripada Ketua Jabatan untuk melakukan pekerjaan luar.

Namun begitu, masih terdapat warga MATRADE yang belum tampil untuk membuat permohonan ini. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap penyelia sebagai pemangkin bagi Unit Integriti kepada pegawai di bawah seliaan masing-masing dalam mengingatkan kepentingan serta keperluan mematuhi pekeliling yang telah dikuatkuasakan.

Selain daripada inisiatif-inisiatif pematuhan yang telah dan sedang dijalankan, Unit ini juga ingin mendapatkan kerjasama daripada semua pihak untuk memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat maklumat mengenai warga MATRADE yang melakukan pekerjaan luar tanpa mendapatkan kebenaran daripada Ketua Jabatan adalah amatlah dihargai.

Marilah kita sama-sama menjadi seorang penjawat awam yang bertanggungjawab dan juga prihatin bermula dari sekarang!

SUDAHKAH ANDA MENDAPATKAN KEBENARAN UNTUK MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR?



PEKELILING DALAMAN INTEGRITI BIL 2 TAHUN 2019
(GARIS PANDUAN PENGURUSAN KERJA LUAR MATRADE)

CONTOH PEKERJAAN LUAR



MENGUSAHAKAN PERNIAGAAN SENDIRI

Bukan sepenuh masa atau dioperasikan oleh orang lain

BEKERJA SAMBILAN



Guru tuisyen, teksi/grab, berniaga makanan/pakaian, penjual barang secara online dan sebagainya



PENCERAMAH JEMPUTAN/ MENGAJAR

separuh masa di agensi / institusi pendidikan

MEMILIKI SYARIKAT PERNIAGAAN MILIK SENDIRI/BERKONGSI



Bukan sepenuh masa atau dioperasikan oleh orang lain

PENCERAMAH / PERUNDING

kepada mana-mana agensi/ institusi/ syarikat berkaitan eksport di luar tugas/ jawatan rasmi



PERATURAN 4, JADUAL KEDUA BAHAGIAN II, AKTA BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 (AKTA 605)

Pekerjaan Luar Boleh Dilakukan Dengan Kebenaran Ketua Jabatan Dengan Syarat:

- Tidak dilakukan dalam waktu pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki menjalankan tugas rasminya;
- Tidak akan dengan apa-apa cara kecenderungan untuk menjejaskan kegunaan pegawai itu sebagai seorang pegawai badan berkanun;
- Tidak akan dengan apa-apa cara kecenderungan untuk bercanggah dengan kepentingan jabatan atau menjadi tidak konsisten dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pegawai badan berkanun;
- Tidak menggunakan peralatan dan kemudahan pejabat untuk kepentingan pekerjaan luar.

**TATACARA
PERMOHONAN**

Mengemukakan
Borang UI/04 yang lengkap
kepada:

**UNIT INTEGRITI
MATRADE**